



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	20/10/2019	MUKA SURAT	: 2
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		



ZAFRI (tiga dari kanan) merasmikan projek sambil diperhatikan Zawahir (tiga dari kiri).

Projek air bersih

Rantau Panjang: Seramai 1,000 penduduk menerima bekalan air bersih menerusi pelaksanaan Projek Bekalan Air Bersih Etiqa di Kampung Padang Bukit, Lubok Stoi, di sini, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Etiqa Family Takaful Berhad, Zafri Abd Halim berkata, projek itu tanggungjawab sosial korporat (CSR) pihaknya bertujuan membantu meringankan beban penduduk setempat mendapatkan air bersih. Katanya, lebih 20 tahun

penduduk kampung itu hanya bergantung dengan air perigi atau 'air boring' kerana tidak mempunyai saliran paip air sempurna.

"Masalah ini menjadi lebih teruk apabila bekalan air berkurangan dan terputus disebabkan oleh air perigi kering berpunca daripada kemarau berpanjangan yang sering berlaku.

"Projek ini membabitkan pembinaan tandak di atas bukit berdekatan, rumah tangki dan penyambungan paip air sejauh tiga kilometer," katanya.